

Headline	Pasar tani khas jadi pilihan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Jun 2019	Color	Black/white
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	23	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	67 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 750
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,250



Pasar tani khas jadi pilihan

KUANTAN - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mewujudkan pasar tani khas bagi memberi kemudahan kepada masyarakat mendapatkan barang keperluan untuk perayaan Aidilfitri.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh berkata, pasar yang akan telah beroperasi 31 Mei sehingga 4 Jun ini diharap menjadi pilihan utama kepada pengguna untuk mendapat barang keperluan harian.

Menurutnya, program ini selaras dengan hasrat kerajaan menangani kenaikan harga barang di pasaran terutamanya musim perayaan.

"Pasar tani ini dapat menjadi ruang pilihan yang lebih baik berbanding pasar dan pasar raya sedia ada kerana barang lebih segar dan harga lebih murah," katanya.